

17 NOV 1997

Dewan - Amerika (Pahang)

DEWAN UNDANGAN NEGERI PAHANG LULUS USUL SOKONG PERDANA MENTERI

KUANTAN, 17 Nov (Bernama) -- Persidangan Dewan Undangan Negeri Pahang hari ini meluluskan sebulat suara usul khas menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani kerenah ahli Kongres Amerika Syarikat dan krisis kejatuhan nilai ringgit.

Kesemua 38 anggota dewan termasuk anggota pembangkang tunggal dari DAP menyokong usul itu yang dibawa oleh Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob.

Khalil semasa membentangkan usul itu berkata dewan mengambil ketetapan untuk bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan dan Parlimen Malaysia menyertai sebarang tindakan yang akan diambil bagi menegakkan kedaulatan negara dan menjaga maruah serta kepimpinan negara dan rakyatnya, dengan menentang sebarang usaha yang cuba campurtangan dalam hal ehwal dalam negara Malaysia.

"Oleh itu dewan ini membantah tindakan anggota Kongres Amerika Syarikat yang menaja usul meminta Dr Mahathir meminta maaf atau meletakkan jawatannya, sebagai satu tindakan yang jelas tidak menghormati amalan demokrasi berparlimen Malaysia dan tidak mengerti keadaan sebenar dasar luar Malaysia," katanya.

Beliau berharap usaha seterusnya untuk membawa dan meluluskan usul itu dalam Kongres dihentikan, dan memberi jaminan kepada semua pelabur, pelancong dan rakyat Amerika yang mengendalikan perkhidmatan mereka di Pahang bahawa mereka berada dalam keadaan selamat dan terjaga.

Datuk Ibrahim Taib (BN-Sungai Lembing) semasa membahas menyokong usul itu berkata negara besar dan berkuasa tidak mempunyai hak terhadap negara lain dalam menentukan pucuk pimpinan negara.

Katanya, draf resolusi oleh anggota Kongres itu disifatkan sebagai sesuatu yang menjatuhkan martabat negara, tidak wajar, tidak tepat, tidak demokrasi dan tidak kena langsung dalam keadaan sekarang, serta berharap Kongres akan menolak usul itu.

"Rakyat Malaysia mesti menunjukkan sokongan padu kepada Perdana Menteri kerana ia melibatkan maruah dan kedaulatan negara. Kita tidak boleh tunduk kepada orang luar yang mencampuri urusan menentukan kepimpinan negara," katanya.

Ti Lian Ker (BN-Indera Mahkota) pula berkata tindakan anggota Kongres berkenaan merupakan satu pencerobohan hak demokrasi dan undang-undang antarabangsa dan undang-undang sesebuah negara.

Katanya, tiada pihak yang boleh menentukan hak memilih Perdana Menteri negara ini kecuali rakyat Malaysia sendiri.

"Kita tidak akan menerima penjajahan asing walau dalam bentuk apa sekalipun dan rakyat tidak akan terperangkap dengan strategi itu," katanya.

K.K.Loke (BN-Ketari) berkata rakyat Malaysia menentang dan mengutuk sekeras-kerasnya tindakan anggota Kongres berkenaan kerana mereka mencabuli perkara asas dalam demokrasi untuk campurtangan dalam hal ehwal negara lain.

Leong Ngah Ngah (DAP-Triang) yang turut membahas dan menyokong usul itu berkata rakyat Malaysia sahaja yang mempunyai hak dalam menentukan siapa yang mereka pilih untuk menerajui kepimpinan negara.

Katanya, tindakan anggota Kongres itu sebenarnya merupakan pencabulan terhadap hak rakyat negara ini.

Khalil semasa menggulung perbahasan usul itu berkata beliau tidak menidakkan hak anggota Kongres untuk bersuara tetapi yang dipertikaikan ialah soal sebilangan anggota Kongres untuk membawa usul tanpa mengambil

kira dasar luar negara Malaysia.

Katanya, Malaysia mengambilkira hubungan diplomatik dan perdagangan yang baik dengan Amerika Syarikat dan mahukan ia terus terpelihara, dan berharap sebilangan besar anggota Kongres tidak akan menyokong usul itu jika dibawa. -- BERNAMA

AZ oba